

**UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATO' ABDUL FATTAH ABDUL
FATTAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS MAKAN MALAM SAMBUTAN
HARI RAYA AIDILFITRI PELAJAR**

**PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN
ANGKASA 2019**

13 JULAI 2019 (SABTU)

9.00 MALAM

**SERENE RESORT & TRAINING CENTRE,
JANDA BAIK, PAHANG**

BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBT

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

YANG BERBAHAGIA
TN. HJ. MUTADHO BAHRI
PENGGERUSI
AHLI LEMBAGA PEMEGANG
AMANAH YAYASAN ANGKASA

AHLI-AHLI LEMBAGA PEMEGANG
AMANAH
YAYASAN ANGKASA :

- 1) DATUK HJ. MOHAMAD ALI HASAN
- 2) DATUK AHMAD JAMIL HASHIM
- 3) PN. HJH. ARMI HJ. ZAINUDIN
- 4) HJ. NASIR KHAN YAHAYA

PENCERAMAHAN YANG DIHORMATI,

USTAZ DATO' HAJI BADLI SHAH B, HJ
ALAUDDIN

PN. HASLINDA HJ. AHMAD
PENGURUS YAYASAN ANGKASA

PEGAWAI-PEGAWAI & KAKITANGAN YAYASAN ANGKASA

Dato Dr. Ismail Alias
KONSULTAN
KETUA JURULATIH, KOPERASI DPA
5181 BERHAD

PARA PESERTA PROGRAM MOTIVASI YANG DIRAIKAN

1. TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA
MERAFAKKAN RASA SYUKUR KE
HADRAT ALLAH S.W.T KERANA
DENGAN LIMPAH BERKAT DAN

KEIZINAN DARIPADA-NYA, DAPATLAH
KITA BERSAMA-SAMA DI MAJLIS
MAKAN MALAM SAMBUTAN HARI
RAYA AIDILFITRI PELAJAR
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN
ANGKASA 2019. SAYA INGIN
MENGUCAPKAN TERIMA KASIH

KEPADA PIHAK PENGANJUR KERANA
SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK
MERASMIKAN MAJLIS INI. SYABAS
DAN TAHNIAH KEPADA YAYASAN
ANGKASA DALAM MENJAYAKAN
MAJLIS MAKAN MALAM INI.

PARA HADIRIN & PELAJAR YANG DIKASIHI,

2. Sejak penajaan pertama pelajar-pelajar pada tahun 2000, ANGKASA berterusan menganjurkan program sebegini secara tersusun

kepada semua pelajar-pelajar dengan pelbagai pengisian bermanfaat yang disampaikan oleh pakar-pakar yang terpilih. Segala kos perbelanjaan program ditanggung sepenuhnya Yayasan ANGKASA.

3. Hal ini, menunjukkan Yayasan ANGKASA sangat mengambil berat perihal pelajar-pelajar tajaannya bukan sahaja dari aspek kewangan tetapi juga pengisian supaya akhirnya akan lahir pelajar yang sentiasa dekat dengan YAYASAN

ANGKASA, berkualitas dan dapat menyumbang kepada kecemerlangan gerakan koperasi pada masa hadapan.

4. Pada dasarnya, Yayasan ANGKASA merupakan satu bentuk tanggungjawab sosial yang

dilakukan ANGKASA untuk anggota-
anggota koperasi, anak-anak
anggota koperasi, YANG
menyambung pengajian ke
peringkat yang lebih tinggi selaras
dengan prinsip ketujuh koperasi.

4. PROGRAM MOTIVASI ADALAH SATU USAHA YAYASAN ANGKASA UNTUK MENDIDIK @ MEMTARBIYAH PELAJAR BAHARU TAJAAN YAYASAN ANGKASA SUPAYA PENCAPAIAN SAHSIAH PELAJAR SELARI DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK OLEH SEBAB

ITU MODUL/SLOT2 YANG DITETAPKAN
KEPADA PIHAK KONSULTAN AGAR
MENGIMBANGI KEDUA2
PENCAPAIAN BERIKUT.

5. SAYA JUGA DIFAHAMKAN PADA
TAHUN INI PIHAK PENGURUSAN

MEMPERUNTUKKAN BAJET YANG
TINGGI UNTUK BEBERAPA AKTIVITI
LUAR (OUTDOOR ACTIVITIES) SEPERTI
FLYING FOX, EXPLORACE DAN ZUMBA
ADALAH BERTUJUAN UNTUK
MEMASTIKAN KESEIMBANGAN

AKTIVITI ROHANI DAN JASMANI DI
DALAM PROGRAM INI.

6. BESARLAH HARAPAN SAYA,
AGAR SEMUA PESERTA
MEMANFAATKAN PELUANG INI
KERANA SESUNGGUHNYA PROGRAM

SEPERTI INI AMATLAH TINGGI
NILAINYA DALAM USAHA
MEMBENTUK INSAN KOPERASI YANG
SEIMBANG DARI SEGI JASMANI,
EMOSI, ROHANI DAN INTELEK.
PROGRAM INI SECARA TIDAK
LANGSUNG DAPAT MENINGKATKAN

KESEDARAN DALAM ASPEK
KEHIDUPAN DAN PEMBELAJARAN
KEPADA SEMUA PELAJAR AGAR LEBIH
BERSEDIA DAN BERDAYA SAING
SELEPAS BERGRADUAT NANTI.

7. SAYA JUGA BERHARAP AGAR SEMUA PELAJAR TAJAAN YAYASAN ANGKASA AKAN MENYUMBANG KEMBALI KEPAKARAN MASING2 KEPADA GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA. SEKTOR KOPERASI SANGAT MEMERLUKAN PELAJAR

YANG CEMERLANG,
BERKETRAMPILAN, BERWAWASAN,
BERWIBAWA SERTA MAMPU
BERTAHAN MENGHADAPI PELBAGAI
DUGAAN DAN CABARAN MASA KINI.
KERANA ANDA SEMUA ADALAH

PENERAJU KEPIMPINAN MASA DEPAN
KOPERASI.

8. YAYASAN ANGKASA JUGA
AKAN TERUS MEMBANTU WARGA
KOPERASI @ ANAK-ANAK WARGA
KOPERASI SUPAYA TIDAK

KETINGGALAN & DIBERI TUNJUK AJAR
YANG SECUKUPNYA AGAR MEREKA
DAPAT MENGEMBANGKAN POTENSI
KE ARAH KECEMERLANGAN &
KEJAYAAN.

**PARA HADIRIN & PELAJAR YANG
DIKASIHI,**

9. SAYA TERINGAT KEPADA KATA-
KATA HIKMAH ORANG BIJAK PANDAI
BERMADAH BERBUNYI;

HIDUP MEMERLUKAN
PENGORBANANAN PENGORBANAN
MEMERLUKAN PERJUANGAN
PERJUANGAN MEMERLUKAN
KETABAHAN KETABAHAN
MEMERLUKAN KEYAKINAN
KEYAKINAN PULA MENENTUKAN

**KEJAYAAN KEJAYAAN PULA AKAN
MENENTUKAN KEBAHAGIAAN.**

10. DUNIA KINI SEMAKIN MENCABAR
SETELAH TAMAT DI DALAM
PELAJARAN PELAJAR HARUS PULA
BERDEPAN DENGAN DUNIA LUAR

YANG SEKALI LAGI MEMERLUKAN
SEMANGAT YANG TABAH DAN
JATIDIRI YANG TINGGI BAGI
MENDAPATKAN PEKERJAAN.
PELAJAR YANG KEHADAPAN
BUKANLAH PELAJAR YANG
CEMERLANG DALAM AKADEMIK

SEMATA-MATA NAMUN PELAJAR ITU HARUSLAH MEMPUNYAI IQ DAN EQ YANG SEIMBANG UNTUK MEMENUHI PASARAN KERJA DI DALAM BIDANG MASING-MASING.

PARA HADIRIN & PELAJAR YANG
DIKASIHI

11. DALAM MEMASTIKAN
KESINAMBUNGAN PEMBIAYAAN
PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA
DAPAT DIPERTINGKATKAN DARI

MASA KE SEMASA ANGKASA TELAH
BERSETUJU UNTUK MENAMBAH DANA
PENDIDIKAN SETIAP TAHUN KEPADA
YAYASAN ANGKASA.

12. BERMULA TAHUN 2020 ANGKASA
AKAN MEMBERI PERUNTUKKAN

PENDIDIKAN KEPADA YAYASAN
ANGKASA BERJUMLAH 1.5 JUTA
SETAHUN DAN TAMBAHAN
SUMBANGAN MELALUI ZAKAT
PERNIAGAAN ANGKASA SEBANYAK
5% SETAHUN.

13. PADA TAHUN INI JUGA YAYASAN ANGKASA TELAH MENERIMA SUMBANGAN ZAKAT PERNIAGAAN ANGKASA SEBANYAK RM 112,024.48 SEMASA BULAN RAMADAN LEPAS.

14. PENAMBAHAN PERUNTUKKAN INI
SELARAS KOMITMEN ANGKASA
DALAM MEMPERKASAKAN
PENDIDIKAN WARGA KOPERASI DAN
ANAK-ANAK KOPERASI.

PARA HADIRIN & PELAJAR YANG
DIKASIHI

15. SAYA TIDAK MAHU BERUCAP
PANJANG KERANA DIFAHAMKAN
ADA PERSEMBAHAN KHAS DARIPADA
PELAJAR SETIAP KUMPULAN.

16. SAYA INGIN MENGUCAPKAN
TAHNIAH KEPADA AHLI LEMBAGA
PEMEGANG AMANAH & PIHAK
PENGURUSAN YAYASAN ANGKASA
KERANA BERJAYA MELAKSANAKAN
PROGRAM MOTIVASI KEPADA

PELAJAR DENGAN MEMENUHI
SEGALA OBJEKTIF YANG DITETAPKAN
YANG MANA PROGRAM INI
BERLANGSUNG SELAMA 3 HARI IAITU
BERMULA 12 JULAI 2019 HINGGA 14
JULAI 2019. PROGRAM INI
MENGUMPULKAN 80 ORANG

PELAJAR BARU TAJAAN YAYASAN
ANGKASA DARI SELURUH UNIVERSITI
DI MALAYSIA. SYABAS JUGA KEPADA
SEMUA PESERTA YANG TELAH
MEMBERI KOMITMEN SEPENUHNYA
KEPADA KESELURUHAN PROGRAM
INI.

17. YAYASAN ANGKASA
SEMEMANGNYA MEMERLUKAN
SOKONGAN BERTERUSAN SEBEGINI
DARIPADA PELAJAR-PELAJAR
PEMBIAYAAN YAYASAN ANGKASA
BAGI MENYEMARAKKAN LAGI
SEMANGAT DAN TEKAD KAMI UNTUK

TERUS MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK KOPERASI.

16. ADALAH DIHARAPKAN, SEMUA PELAJAR SUPAYA MENJADI AHLI KOPERASI ALUMNI YAYASAN ANGKASA SUPAYA JALINAN

HUBUNGAN DENGAN YAYASAN
ANGKASA SENTIASA BERTERUSAN
DENGAN MENYERTAI PROGRAM-
PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH
YAYASAN ANGKASA.

PARA PELAJAR YANG DIHORMATI SEKALIAN

21. AKHIR KATA, DENGAN LAFAZ
BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM
SAYA MERASMIKAN **MAJLIS MAKAN
MALAM SEMPENA SAMBUTAN HARI**

**RAYA AIDILFITRI PELAJAR
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN
ANGKASA 2019.**

WABILAHITAUFIK WAL HIDAYAH
ASSALAMUALAIKUM W.B.T.